

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 FEB 2015

Kerajaan serius tepati piawaian Islam: Najib

BH
-11/2/2015

» *Pelancaran Indeks Syariah Malaysia bukti kejujuran laksana tadbir urus*

Oleh Nazura Ngah,
Nurhayati Abillah
dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

1« Putrajaya

Indeks Syariah Malaysia (ISM) yang dilancarkan semalam membuktikan kerajaan serius untuk menepati piawaian Islam mengenai dasar dan pelaksanaan program.

Datuk Seri Najib Razak berkata, ia bakal menjadi pelengkap kepada cita-cita mencapai status negara maju berpendapatan tinggi kerana mencakupi kemajuan setiap sektor, bidang dan komponen membentuk negara maju dan progresif.

Menurut Perdana Menteri, ISM juga adalah produk pelengkap tadbir urus Islam di negara ini yang menunjukkan keberanian dan kejujuran kerajaan dalam mengukur usaha serta iltizam berteraskan maqasid syariah.

^ Indeks yang pertama seum-

pamanya di dunia itu adalah kaedah pengukuran saintifik yang boleh menepati fungsi penting, iaitu menilai keseriusan usaha kerajaan dari tahun ke tahun

Pengukuran menyeluruh "Keunikan model Indeks Syariah Malaysia terletak pada pengukuran yang lebih menyeluruh. Bagi fasa permulaan, ia mencakupi lapan bidang utama iaitu perundangan, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, budaya, prasarana dan persekitaran serta sosial.

"Untuk setiap satu bidang, tahap penyempurnaan lima teras dalam maqasid syariah ialah pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kita akan mengukur dan menyemak sama ada dasar dan program yang ditetapkan oleh kerajaan melalui kementerian dan agensi berkaitan menepati atau tidak dengan apa yang terkandung dalam tuntutan maqasid syariah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Perdana Ulama-Umara 2015 dan Pelancaran Indeks Syariah Malaysia di Pusat Konvensyen An-

tarabangsa, di sini, semalam.

Najib berkata, maqasid syariah sememangnya sudah lama digunakan sebagai teras pemerintahan, namun belum pernah diukur pada satu tahap sebenar.

Kebanyakan dasar serta program kerajaan tidak dilihat sebagai menepati tuntutan kerana ia tidak dijenamakan dan berlabel Islam.

"Kita tidak mahu hanya berjaya menyajikan kepada masyarakat sesuatu yang bersifat pelabelan semata-mata. Adakah sesuatu yang tidak dilabelkan dengan jenama Is-

U

Maqasid syariah sememangnya sudah lama digunakan sebagai teras pemerintahan, namun belum pernah diukur pada satu tahap sebenar"

*Najib Razak,
Perdana Menteri*

lam, maka secara automatik ia menjadi tidak Islamik? Dan adakah jika sesuatu dilabelkan sebagai Islam, maka ia benar-benar menepati kehendak Islam," katanya.

Manfaat semua rakyat Perdana Menteri menegaskan ISM berorientasikan pengukuran usaha, bukan semata-mata tahap pencapaian dalam mentejemahkan prinsip, manakala nilainya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat bukan Islam.

Justeru, beliau memberi jaminan, kaedah pengiraan indeks yang dibina akan dimantapkan dan diperhalusi dari semasa ke semasa.

"Dengan peralihan tempoh yang sesuai, jumlah bidang yang diukur akan ditambah, aspek yang disemak akan diperincikan, kategori mereka yang diperoleh maklum balas serta persepsi akan dipelbagaikan dan skop agensi serta dasar yang dinilai diperluaskan.

"Dengan indeks ini, sekurang-kurangnya kita ada kaedah untuk mengetahui di mana status kita. Bukan sahaja dari segi tahap patuh syariah usaha kerajaan dan dalam penggubalan dasar & rta program, malah keseriusan melaksanakan sesuatu yang Islamik berlandaskan piawaian sistem perkhidmatan Islam," katanya.

OTeks ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada Majlis Perdana Ulama-Umara 2015 dan peancarkan Indeks Syariah Malaysia - Rencana 29,30 dan 31